

25/02/1997

Meningkatkan persaingan tempatan

Ismail Hashim

MENURUT artikel dalam New York Times, penyatuan antara korporat serata dunia meningkat 25 peratus, catatan rekod sebanyak AS\$1.04 trilion (RM2.6 trilion) pada 1996, melepasi rekod 1995 sebanyak AS\$866 bilion (RM 2.1 bilion).

Gabungan terbesar antara Ciba-Geigy dan Sandoz yang kini dikenali sebagai Novartis dinilai pada AS\$36.3 bilion (RM90.7 bilion) sementara pembelian Boeing ke atas MacDonald membabitkan kos AS\$13.3 bilion (RM32.7 bilion).

Pemupukan kuasa ekonomi di kalangan segelintir korporat gergasi harus diberikan perhatian. Kita harus mencari kewajaran terhadap langkah itu. Usaha harus dijalankan untuk mewujudkan langkah antimonopoli atau untuk menyekat kecenderungan dan amalan monopoli serata dunia.

Mungkin inilah yang diharapkan oleh perwakilan negara sedang membangun di sebalik keputusan yang dicapai di Persidangan Peringkat Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura Disember lalu supaya menubuhkan kumpulan kerja baru iaitu 'dasar perdagangan dan persaingan' dalam WTO. Malangnya apa yang diharapkan tidak berlaku.

Ketika negara maju mencadangkan isu baru iaitu dasar persaingan ke dalam WTO, mereka sudah pasti tidak memikirkan untuk menyekat fungsi oligopolistik korporat mereka itu. Sebaliknya sasaran mereka ialah untuk menghapuskan amalan 'monopolistik' atau antipersaingan di kalangan firma tempatan di negara sedang membangun, yang membolehkan firma gergasi mereka masuk ke dalam pasaran negara sedang membangun.

Dalam perenggan 20 deklarasasi di Singapura, semua menteri bersetuju mewujudkan satu kumpulan kerana yang diajukan negara anggota berhubung interaksi antara dasar persaingan perdagangan termasuk amalan antipersaingan, sebagai usaha mengenal pasti bidang yang mungkin memerlukan pertimbangan selanjutnya dalam rangka kerja WTO.

Dalam proses persediaan WTO di Geneva untuk persidangan di Singapura, negara anggota Kesatuan Eropah (EU) yang mencadangkan isu persaingan. Sebaliknya cadangan EU berbeza dengan apa yang dipersetujui dan dianjurkan negara sedang membangun.

Sebagai ganti untuk mengawal amalan monopolistik global syarikat gergasi itu, EC inginkan supaya negara sedang membangun mengawal monopoli syarikat tempatan di peringkat nasional.

Ini akan membenarkan syarikat multinasional mempunyai capaian (access) yang besar untuk menembusi pasaran di Selatan. Peliknya atas nama menyekat amalan monopoli itu sendiri akan berlaku langkah monopoli yang lebih besar.

Ini menyebabkan monopoli syarikat di negara Selatan menjadi lemah dan berpecah dan membolehkan syarikat transnasional mengambil alih dan memonopoli lebih banyak pasaran yang terdapat.

Negara maju dilihat seperti sudah kembali kepada tingkah laku asal mereka bahkan sebelum sidang di Singapura berakhir.

Ketika sidang media tidak lama selepas sidang WTO berakhir, pemangku wakil perdagangan Amerika, Charlene Barshefsky berkata mengenai dasar persaingan: "Kedudukan Amerika dalam isu ini memastikan bahawa kerja mengenai isu persaingan ini tidak menggugat undang-undang kami yang melindungi prinsip persaingan adil dan harga patut. Kita tidak harus membatalkan kerja dalam WTO mengenai isu antilambakan yang baru bermula. Pelan kerja harus menumpukan kepada masalah kartel dan tingkah laku anti

persaingan persendirian yang lain yang boleh menjejaskan capaian eksport Amerika ke pasaran asing."

Tetapi seorang wartawan Jepun meminta penjelasannya sama ada ini bermakna Amerika tidak mahu rundingan mengenai langkah perdagangan antilambakan dimasukkan ke dalam kumpulan kerja. Barshefsky menjawab: "Untuk Amerika, dan untuk EU juga, undang-undang antilambakan tidak dimasukkan ke dalam agenda (untuk perundingan). Tiada persoalan mengenainya lagi. Kajian akan menumpukan kepada dasar persaingan dan undang-undang antipakatan untuk menentang tingkah laku yang menghalang capaian dalam pasaran."

Pendirian Amerika nampaknya mengesahkan keprihatinan dan kebimbangan sesetengah negara sedang membangun bahawa dasar persaingan telah dimasukkan ke dalam agenda WTO oleh negara maju untuk digunakan sebagai instrumen atau alat untuk mengubah struktur industri, komersil dan perdagangan negara sedang membangun bagi membolehkan korporat mereka (negara maju) mempunyai capaian yang lebih besar dalam pasaran negara sedang membangun.

Atas dasar ini jugalah negara kita Malaysia mempersiapkan diri dengan merintis usaha pergabungan syarikat. Gambaran awal ini dapat dilihat kepada pergabungan DCB Holdings dan Kwong Yik Bank yang berada di bawah payung Rashid Hussain Holdings.

Usaha gabungan lain sedang giat berjalan seperti Sime Darby Bhd yang sudah mengambil alih United Malayan Banking Corporation (UMBC) dengan melancarkan nama dan logo baru bank itu kepada Sime Bank.

Malah ada juga rundingan terus berlangsung iaitu Hock Hua (Sabah) Bank yang akan diambil alih oleh pihak Bumiputera dan nama Tun Daim Zainuddin disebut-sebut dalam proses itu.

Rundingan juga diadakan antara Hong Leong Bank (dulu Mui Bank) dan Ban Hin Lee Bank juga disebut-sebut calon bank untuk pergabungan.

Langkah ini juga berlaku memandangkan langkah Bank Negara yang membuka pintu kepada kemasukan bank dunia. Ini berikutan perjanjian perkhidmatan yang ditandatangani dalam GATT yang membawa kepada penubuhan WTO.

Kerajaan tidak dapat menolak dasar liberalisasi kewangan seperti yang dituntut negara maju melalui WTO dan keadaan inilah yang mempengaruhi pergabungan bank tempatan menjadi kumpulan teguh dalam berhadapan dengan kemasukan bank asing itu.

Penasihat kewangan merasakan tahun 1997 akan menjadi tahun syarikat terbabit dalam pergabungan, perolehan persetujuan bersama, pengambilan secara paksaan dan pembelian saham.

Walaupun banyak alasan yang diberikan terhadap usaha pergabungan ini seperti faktor pertumbuhan ekonomi, modernisasi industri, projek infrastruktur dan galakan dasar pelaburan asing, tetapi kita harus ingat persediaan awalnya ialah untuk berdepan dengan kemasukan korporat transnasional luar bagaikan langkah sediakan payung sebelum hujan.

Bahkan di peringkat serantau, kegiatan itu semakin meningkat di Asia. Presiden Asian Strategy dan Leadership Institute (ASLI). Mirzan Mahathir percaya perubahan penyelarasan dan ancaman peningkatan persaingan sejagat akan menggalakkan syarikat telekomunikasi, penyiaran, perkhidmatan kewangan bergabung sebagai usaha mengurangkan kos dan menambah pendapatan.

Menurut Merrill Lynch International Bank LTd, jabatan pergabungan dan perolehan, pada 1996 Malaysia adalah negara Asia-Pasifik yang utama dalam proses pergabungan dan perolehan. (Business Times, 23 Januari 1997).

Sebanyak 817 urusan perolehan syarikat bernilai AS\$20.1 bilion dan berurusan dengan 817 negara sasaran yang bernilai AS\$17.7 bilion pada 1996.

Selepas Malaysia ialah Hong Kong dan Singapura.

Perolehan terbesar ialah di sektor pengeluaran dengan 13 kegiatan

perolehan, diikuti dengan perlombongan, kewangan, hartanah dan sektor perladangan.

Antara pergabungan yang masih segar dalam ingatan kita ialah perolehan Telekom Malaysia ke atas Emartel bernilai RM640 juta, perolehan Rashid Hussain Berhad dalam Malayan Banking sebanyak 75 peratus subsidiari Kwong Yik Bank dan Tan Sri Yahya Ahmad memperolehi Kumpulan Lotus.

Keadaan ini tentunya mengukuhkan lagi kedudukan syarikat apabila berdepan dengan syarikat Barat terutamanya dengan dasar keterbukaan WTO dan ancaman isu baru seperti dasar persaingan dan pelaburan (yang menerima penentangan meluas daripada kalangan negara sedang membangun) yang bertujuan untuk menyekat pegangan dan pengaruh syarikat dari Selatan dalam perdagangan antarabangsa.

(END)